



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN EKONOMI DAN KEWANGAN**

**ASIA PACIFIC ECONOMIC COOPERATION (APEC)
DIALOG DASAR PERINGKAT TINGGI WANITA DAN EKONOMI
SELASA, 12 OGOS 2025**

1. Dialog Dasar Peringkat Tinggi Wanita dan Ekonomi telah diadakan pada hari Selasa, 12 Ogos 2025 di Incheon, Republik Korea. Dialog tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Kim Hyun Sook, Pemangku *Minister of Gender Equality and Family* Republik Korea. Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Yang Mulia Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Turut hadir ialah para Menteri dan Pegawai Kanan daripada Ekonomi-Ekonomi APEC yang lain, dan Pengarah Eksekutif Sekretariat APEC.
2. Di bawah tema "*Promoting Women's Economic Participation for Sustainable Growth*", Dialog tersebut telah membincangkan pendekatan dasar bagi memperkukuhkan peranan wanita dalam ekonomi, sejajar dengan *APEC Putrajaya Vision 2040*, *La Serena Roadmap* dan *Aotearoa Plan of Action*. Perbincangan menekankan bagaimana perubahan demografi, transformasi digital dan peralihan hijau memberikan peluang serta cabaran terhadap pemerkasaan perekonomian wanita. Dalam perkara ini, Ekonomi-Ekonomi Ahli APEC telah berkongsi pengalaman dalam menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang diterajui oleh wanita, memajukan keterangkuman digital, serta memperbaiki infrastruktur penjagaan, di samping menegaskan komitmen untuk menangani ketidaksamaan jantina (*gender inequality*) dan menghapuskan halangan struktur (*structural barriers*).

3. Yang Mulia Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin dalam kenyataannya telah menegaskan komitmen teguh Negara Brunei Darussalam dalam memajukan penyertaan para wanita di dalam ekonomi sebagai salah satu tonggak utama Wawasan Brunei 2035, yangmana langkah-langkah berkenaan adalah sejajar dengan *Putrajaya Vision 2040* dan *Aotearoa Plan of Action*. Kearah ini, beliau mengongsikan Negara Brunei Darussalam sedang meneroka pelbagai langkah dasar untuk meningkatkan penyertaan ekonomi wanita. Ini termasuk mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan wanita, melalui program-program seperti bantuan kewangan, pembinaan kapasiti dan bimbingan untuk usahawan wanita, di samping pendekatan penggubalan dasar yang inklusif. Inisiatif seperti Akademi Perniagaan Industri dan *Brunei Mentors for Entrepreneurs Network* dan juga *ASEAN Women's Entrepreneurs Network* telah memupuk pengiktirafan dan hubungan rentas sempadan. Melalui Akademi Perniagaan Industri, dianggarkan sebanyak 10,300 wanita telah dilatih sejak 2016 dan sekurang-kurangnya 57% daripada perniagaan yang terlibat adalah perniagaan-perniagaan yang dimiliki oleh para wanita.
4. Dialog ini didahului dengan sesi sektor swasta-awam di mana perbincangan panel tertumpu pada usaha untuk mengukuhkan sistem penjagaan dan menggalakkan keseimbangan kerja-kehidupan berikutan perubahan demografi, serta untuk memudahkan penyertaan wanita di dalam ekonomi sebagai tindak balas kepada kemajuan teknologi digital dan AI.
5. Ekonomi-Ekonomi Ahli APEC telah mengeluarkan kenyataan *Women and the Economy Forum (WEF) Statement* yang boleh diakses melalui laman sesawang APEC di: <https://www.apec.org>.

Disediakan oleh:

Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa,
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Emel: apec.brunei@mofe.gov.bn

Rujukan: KKWE/ADM/70

Tarikh: 14 Ogos 2025